

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	31/3/2021	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Empangan Nenggiri manfaat kepada Kelantan

Pembinaan Empangan Hidroelektrik Nenggiri di Gua Musang disasar memberi manfaat besar kepada Kelantan seperti diraih Terengganu.

Ketidadaan empangan besar dikatakan antara penyebab Kelantan terus menerima banjir besar seperti diakui Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Empangan bukan sahaja mengatasi banjir bahkan memberikan manfaat kepada sektor pertanian dan kegunaan domestik.

Kenyataan itu mengulas bantahan Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan (JKOAK) mendakwa mewa-kili 3,000 penduduk mendadakkan protes supaya projek berkenaan dibatalkan.

Beliau menegaskan ia sudah selesai dan tiada isu berbangkit termasuk perancangan penempatan semula penduduk. Pemilik projek, iaitu Tenaga Nasional Bhd (TNB) bersama Pejabat Tanah dan Jajahan serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sudah berbincang dengan penduduk yang bersetuju berpindah.



Abdul Halim Yusoff

Namun bagi membela nasib Orang Asli di Nenggiri, TNB bertemu beberapa pihak berkepentingan lain termasuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

La dijelaskan Pengerusinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid menegaskan projek itu dirancang lapan tahun lalu dan diluluskan tahun ini dengan antara komponen diambil kira ialah penduduk ser-ta masyarakat Orang Asli.

Sebenarnya pembinaan Empangan Hidroelektrik Nenggiri yang menjadi sebahagian Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) itu, akan mewujudkan kawasan taklukkan seluas 5,384 hektar.

Bagaimanapun, seperti setiap projek pembangunan pasti ada perlu bertkor-ban demi kepentingan ramai termasuk rancangan projek hidroelektrik.

Kawasan tadahan yang akan wujud dijangka menenggelamkan beberapa penempatan Orang Asli, termasuk Pos To-hoi, Pos Pulat, Kampung Wias dan Kampung Bering.

Namun, kawasan tadahan skim hidro Nenggiri kecil berbanding lokasi lain terutama Tasik Kenyir membekalkan air kepada Stesen Janakasa Sultan Mahmud untuk menjana 400MW elektrik.

Malah, Nenggiri lebih kecil berbanding dua empangan sampingan di Kenyir, iaitu Puah dan Tembat seluas 7,197 hektar.

Ketika dibina pada 1978 dan mula beroperasi 1983, kawasan taklukkannya membentuk Tasik Kenyir seluas 370 kilometer persegi, sama saiz Singapura, menyebabkan penduduk 10 kampung terpaksa berpindah. Kampung, rumah dan ladang serta perkuburan moyang mereka kini berada 145 meter di bawah air.

Bagaimanapun, negara memertukan projek hidro bagi memastikan gabungan mapan sumber bahan penanaman dan nilai strategik daripada empangan. Setakat September tahun lalu, hidro merangkumi 5.5 peratus sumber penjanaan, diikuti gas (28.4 peratus), arang batu (65.9 peratus) dan solar (0.1 peratus).

Seperti ditunjukkan di Kenyir, Terengganu meraih manfaat ekonomi terutama pelancongan dan rekreasi, pertanian kecil serta pembangunan prasarana. Sumbangan lain berkait tebatan banjir kerana sejak ada Kenyir, banjir di Kuala Berang bukan lagi isu besar.

Penduduk beberapa daerah di Terengganu juga mendapat bekalan air bersih kerana pelepasan air dari Kenyir dapat mengimbangi air masin masuk ke Mu-

ka Suak, Kuala Terengganu di Sungai Terengganu.

Walaupun beberapa kawasan bernilai sejarah dijangka tenggelam di Nenggiri, beberapa lokasi baharu pelancongan akan wujud seperti terjadi di Kenyir.

Lebih 340 pulau terjadi di Kenyir membuka ruang kepada pembinaan hotel dan resort, malah satu daripadanya disasarkan sebagai pulau bebas cukai.

Kerja pemuliharaan TNB Research San Bhd seperti di Tembat dan Puah pula menunjukkan hasil. Spesies akuatik dan fauna asal kembali ke kawasan itu. Lereng dan hutan di Tembat menjadi kawasan rayuan gajah semula.

Empangan hidroelektrik memberi manfaat ekonomi kepada negara. Walaupun kos pembinaan tinggi, pulangan jangka panjangnya berbaloi kerana tiada kos bahan api untuk penjanaan. Jika kita lihat sejarah, kemajuan Sabah disebut dalam al-Quran adalah kerana kebijaksanaan menguruskan empangan. Ini juga yang hendak dilakukan Kelantan.

BH-Komen 31/3/2021 M/s 11
Penulis adalah Pengarang Berita dan Kandungan BH